



沙巴州拿篤埠育才国民型(华文)小学  
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) YUK CHOI LAHAD DATU  
PETI SURAT POS 60098  
91110 LAHAD DATU, SABAH.



TEL : 089-883212  
FAX : 089-883213  
EMEL: xcc3134@moe.edu.my

RUJ : SJKCYC.100-9/5/2(05)  
TARIKH : 17 NOVEMBER 2021

Semua ibu bapa dan penjaga,

## NOTIS PEMBUKAAN SESI PERSEKOLAHAN MURID TAHUN 1 HINGGA TAHUN 6

Sejajar dengan peralihan Sabah ke **PPN Fasa 4**, Kementerian Pendidikan Malaysia ( KPM ) telah mengumumkan bahawa pembukaan sesi persekolahan termasuk Tahun 1 hingga Tahun 6 akan dimulakan pada 22 November 2021. Berdasarkan Sesi Libat Urus KPM, sesi persekolahan untuk 2021 telah dilanjutkan sehingga 25 Feb 2022 manakala sesi persekolahan bagi sesi 2022 akan dimulakan pada 21 Mac 2022.

02. Dengan merujuk kepada SOP pencegahan perebakan wabak Covid-19, pihak sekolah akan menghadkan kehadiran murid pada kadar 50% daripada jumlah enrolmen murid mengikut sistem penggiliran minggu. Murid-murid akan dibahagikan kepada dua kumpulan, satu kumpulan akan belajar secara bersemuka di sekolah selama seminggu manakala satu kumpulan lagi akan belajar secara sendiri di rumah melalui kaedah pesanan tugas oleh para guru di Google Classroom. Sehubungan itu, pembelajaran secara maya ( Google Meet ) akan dihentikan dan pembelajaran sendiri akan merujuk sepenuhnya di Google Classroom. Justeru itu, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam memastikan anak melaksanakan tugas, aktiviti PdPR secara sendiri di rumah. Komitmen ibu bapa amat penting dalam membimbing pembelajaran anak dengan memberi sokongan dan motivasi termasuk pengagihan masa untuk menyiapkan tugas dan memilih sumber pembelajaran yang sesuai melalui Repositori SumberKU <http://sumberku.moe-dl.edu.my>

Kaedah pelaksanaan dan tarikh berkenaan adalah seperti berikut :

Minggu	22 – 26 November 2021	29 November 2021 – 03 Disember 2021	06 - 10 Disember 2021
PdP Bersemuka	KUMPULAN A	KUMPULAN B	KUMPULAN A
PdPR Kendiri	KUMPULAN B	KUMPULAN A	KUMPULAN B

03. **Jadual Waktu Pembelajaran Bersemuka**

**TAHAP 1 (TAHUN 1, 2 DAN 3)**

Hari	Masa Masuk Sekolah	Masa Mula PDPc	Masa Rehat	Masa Tamat Sekolah
Isnin & Selasa	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	12.40 t/hari
Rabu	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	12.10 t/hari
Khamis	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	12.40 t/hari
Jumaat	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	11.40 pagi

**TAHAP 2 (TAHUN 4, 5 DAN 6)**

Hari	Masa Masuk Sekolah	Masa Mula PDPc	Masa Rehat	Masa Tamat Sekolah
Isnin & Selasa	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	1.10 t/hari
Rabu	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	12.40 t/hari
Khamis	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	1.10 t/hari
Jumaat	06.20 pagi - 07.00 pagi	07.00 pagi	09.40 pagi-10.10 pagi	11.40 pagi

04. **Perihal Penting Pengoperasian Pembukaan Semula Sekolah :**

<b>Murid</b>	<p>Untuk perhatian dan tindakan ibu bapa dan murid :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekiranya ibu bapa membuat keputusan untuk tidak menghantar anak ke sekolah buat sementara waktu, sila kemukakan surat pohon cuti kepada pihak sekolah secara mingguan ( seminggu sekali ).</li> <li>2. Sekiranya murid menunjukkan tanda-tanda bergejala atau tidak sihat, pihak sekolah akan meminta murid berkenaan untuk menjalani ujian saringan Covid-19 ( atas persetujuan ibu bapa ) dan ibu bapa hendaklah membawa murid berkenaan untuk balik ke rumah.</li> <li>3. Ibu bapa adalah <b>DILARANG SAMA SEKALI</b> untuk memasuki kawasan sekolah termasuklah semasa menghantar dan menjemput murid. Mana-mana individu yang berkeperluan untuk masuk ke kawasan sekolah atas urusan rasmi yang penting, pastikan individu berkenaan telah melengkapkan 2 dos suntikan vaksin Covid-19, wajib mendaftarkan diri di kaunter pengawal keselamatan sekolah, dan mengimbas suhu badan setelah mendapat kebenaran daripada pengawal keselamatan.</li> <li>4. Pihak sekolah amat menggalakkan semua murid untuk memakai pakaian seragam ke sekolah. Bagaimanapun, bagi murid yang pakaian seragamnya tidak lagi sesuai untuk dipakai, murid dibenarkan untuk memakai pakaian sukan sekolah</li> </ol>
--------------	---

<p><b>Waktu Pagi</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ibu bapa digalakkan untuk membantu anak mengimbas suhu badan dan melakukan sanitasi tangan sebelum ke sekolah.</li> <li>2. Murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6 yang telah diagihkan ke Kumpulan A dan Kumpulan B dikehendaki hadir ke sekolah sebelum jam 7 pagi untuk sesi PDPC secara bersemuka mengikut tarikh-tarikh yang telah dijadualkan.</li> <li>3. Murid-murid dikehendaki menggunakan <b>PINTU B</b> ( kaunter pegawai keselamatan ) semasa memasuki kawasan sekolah.</li> <li>4. Murid-murid diwajibkan untuk mengimbas suhu badan sebelum dibenarkan masuk ke kawasan sekolah.</li> </ol> <p>* Individu yang suhu badannya menjangkau atau melebihi 37.5°Celsius adalah <b>DILARANG</b> masuk ke kawasan sekolah.</p>
<p><b>Bilik Darjah</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid hanya dibenarkan berada di tempat / meja sendiri.</li> <li>2. Semasa ke tandas, murid dikehendaki sentiasa mematuhi jarak sosial dan menggunakan cucian pembasmi kuman ( sanitizer ).</li> <li>3. Murid perlu memaklumkan kepada guru dengan segera sekiranya terdapat tanda-tanda / gejala / sakit / demam semasa sesi PDPC bagi memudahkan tindakan yang sesuai di Bilik Isolasi.</li> </ol> <p>* Ibu bapa perlu menyediakan cucian pembasmi kuman ( sanitizer ) dan pelitup muka untuk kegunaan murid.</p>
<p><b>Masa Rehat</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan kantin sebagai tempat makan minum adalah tidak dibenarkan. Murid perlu membawa bekalan makanan dari rumah atau membuat prapesanan makanan daripada pihak kantin.</li> <li>2. Murid hanya dibenarkan makan minum di dalam bilik darjah.</li> <li>3. Murid <b>DILARANG</b> berkongsi makanan dan peralatan makan.</li> </ol> <p>* Ibu bapa perlu menyediakan kain lap bagi tujuan membersihkan set meja murid selepas makan minum.</p>
<p><b>Masa Tamat Sesi PDPC</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid akan berkumpul dan beratur di Pusat Aktiviti / gelanggang bola keranjang ( <b>PINTU C</b> ) semasa menunggu kedatangan ibu bapa.</li> </ol> <p>* Ibu bapa diminta supaya menepati masa semasa menjemput murid.</p> <p>* Ibu bapa diminta menyediakan kepingan kad / kertas bersaiz A4 dan mencetakkan / menuliskan nama murid dan kelas semasa menjemput murid.</p> <p>* Semua ibu bapa dingatkan agar sentiasa dapat mematuhi <b>SOP</b> semasa menjemput murid.</p>
<p><b>Kantin</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak sekolah akan membantu murid untuk membuat prapesanan makanan menggunakan borang prapesanan untuk tempoh seminggu. Pohon kerjasama ibu bapa semasa membuat prapesanan agar dapat menuliskan jumlah bayaran dan memasukkan wang tersebut ke dalam sampul untuk diserahkan kepada guru kelas.</li> </ol>

2. Sila sediakan set peralatan makan ( bekas makanan ) yang telah dilabelkan dengan nama murid dan kelas kepada pihak kantin. Murid perlu meletakkan bekas berkenaan di atas meja di hadapan kelas masing-masing untuk memudahkan pihak kantin mengumpul dan mengagihkannya mengikut nama dan kelas yang tertulis di bekas.

\* Ibu bapa perlu memastikan nama dan kelas murid tertulis di bekas makanan bagi mengelakkan sebarang kesilapan.

\* Ibu bapa boleh menghubungi pihak pengusaha kantin sekolah bagi tujuan membuat pesanan makanan ( sila hubungi : **0138968812, 0135578812** ).

05. Pihak sekolah berharap ibu bapa dapat memberikan bimbingan dan kesedaran tentang kepentingan langkah-langkah penjagaan dan disiplin sendiri termasuk penjarakan sosial dalam menangani wabak Covid-19.

06. Pihak sekolah ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan komitmen semua ibu bapa dalam hal ini.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



---

**( NURHIDAYAH CHONG ABDULLAH )**  
**Guru Besar,**  
**SJK ( C ) Yuk Choi, Lahad Datu, Sabah.**

S.K.

1. fail sekolah